

**Umno Yakin Calon BN Mampu Menang Di Parlimen Bagan  
Bernama  
9 September, 2012**

BUTTERWORTH, 9 Sept (Bernama) -- Umno Bahagian Bagan yakin Barisan Nasional (BN) mampu menang di tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bagan dan kerusi Parlimen kawasan itu berikutan sokongan penduduk di situ terhadap parti BN semakin meningkat.

Ketua Bahagiannya Datuk Abdul Latif Mirasa berkata sokongan itu dapat dilihat menerusi penganjuran majlis-majlis anjuran BN yang mula mendapat perhatian penduduk kawasan Bagan terutamanya masyarakat Cina.

"Paling ketara apabila Timbalan Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) mengadakan lawatan di kawasan Bagan baru-baru ini yang mana ramai sekali penduduk di sini terutama masyarakat Cina hadir menyambutnya dan memberikan sokongan.

"Selain itu, setiap majlis yang BN anjurkan mula mendapat reaksi positif dari masyarakat perlbagai kaum di sini, saya percaya kita mampu menang empat kerusi (termasuk kerusi Parlimen) di sini (Bagan)," katanya kepada pemberita selepas ditemui pada persidangan perwakilan Umno Bahagian Bagan, di sini Sabtu malam.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim yang juga Presiden Kelab Putera 1Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693222>